



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MINGGU SAINS NEGARA 2026 DILUNCURKAN, SASAR PENYERTAAN 1.15 JUTA RAKYAT MALAYSIA

SEMENYIH, APRIL 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan fasa pertama Program Minggu Sains Negara (MSN) 2026, dikenali sebagai “Road to MSN 2026”. Majlis peluncuran yang disempurnakan oleh YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, telah diadakan di University of Nottingham Malaysia (UNM) dengan tumpuan khusus kepada teknologi kecerdasan buatan (AI).

MSN 2026 merupakan antara inisiatif utama Kerajaan dalam menyemarakkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030. Pelaksanaan tahun ini tampil lebih dinamik melalui pengisian **MOSTI TECHTalks 2026 Siri 1**, yang bertujuan menterjemah aspirasi merakyatkan sains, menginsankan teknologi dan mengarusperdanakan inovasi dalam kalangan masyarakat.

Menurut YB Datuk Chang Lih Kang, dalam konteks geopolitik global yang semakin mencabar, keupayaan negara membangunkan bakat teknologi tempatan menjadi semakin kritikal bagi memastikan Malaysia bukan sahaja menjadi pengguna, tetapi juga pencipta teknologi. Usaha ini penting dalam memperkukuh kedaulatan teknologi negara serta mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar dalam sektor strategik.

Sehubungan itu, MSN 2026 menyasarkan penglibatan seramai 1.15 juta peserta di seluruh negara, dengan fokus untuk memperluas akses dan penyertaan masyarakat dalam program berkaitan STEM. Inisiatif ini selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI untuk melahirkan bakat berkemahiran tinggi yang mampu memenuhi keperluan industri serta menyokong kemasukan pelaburan berkualiti.

Dengan menyasarkan penyertaan pelajar sekolah, komuniti institusi pendidikan tinggi (IPT), serta masyarakat setempat, strategi pelaksanaan MSN 2026 akan dibahagikan kepada tiga (3) fasa utama seperti berikut:

- **Fasa 1: Peluncuran Road to MSN 2026** yang bermula pada bulan April.
- **Fasa 2: MSN 2026 @ Zon**, melibatkan penganjuran karnival sains secara fizikal di lima lokasi strategik seluruh negara (Utara, Selatan, Timur, Sabah, dan Sarawak) bermula Mei hingga Oktober.
- **Fasa 3: MSN 2026 @ Finale**, sebagai acara kemuncak di Zon Tengah pada November yang akan disepadukan dengan sambutan Hari Sains Sedunia.

Konsep karnival fizikal di lokasi strategik ini adalah untuk memastikan aktiviti pembudayaan STI dijalankan secara bersasar dan berfokus, terutamanya bagi memberikan akses kepada komuniti di pinggir dan luar bandar. Pendekatan interaktif dan *hands-on* melalui pameran serta eksperimen langsung dijangka lebih berkesan dalam menarik minat pelajar terhadap bidang STEM berbanding kaedah pembelajaran formal.

Penganjuran MSN 2026 turut akan memperlihatkan kolaborasi erat antara MOSTI dengan **Rakan MySains** dan IPT terpilih sebagai rakan pelaksana utama bagi memanfaatkan kepakaran teknikal, fasiliti, dan rangkaian industri mereka. Antara rakan strategik yang terlibat termasuklah Pusat Sains Negara (PSN), Planetarium Negara (PN), PetroSains, Tech Dome Penang, serta pelbagai universiti tempatan mengikut zon masing-masing.

Dengan sasaran penyertaan yang inklusif dan menyeluruh, MOSTI komited untuk meningkatkan literasi masyarakat terhadap kepentingan STI sebagai pemacu kesejahteraan dan kualiti hidup selaras dengan nilai Malaysia MADANI.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

14 APRIL 2026

